



A circular botanical illustration wreath composed of various plants including ferns, red and green leaves, yellow and purple flowers, and heart-shaped leaves, surrounding a central white circle.

Peristiwa Keluarga Kudus



Doa Pembukaan

Ya Allah Bapa yang ada di Surga, dengan hati yang penuh kesyukuran ini kami datang untuk menghadap Engkau, Pencipta segala kehidupan.

Melalui Putera-Mu Yesus, Engkau telah berkongsi dengan kami akan kehidupan ilahi-Mu sendiri, begitu besar kasih-Mu kepada kami semua.





Doa Pembukaan

Bimbinglah kami semasa kami merenungkan peristiwa mulia ini dalam kehidupan Keluarga Kudus Yesus, Maria dan Yusuf.

Kami mohon pertolongan daripada Keluarga Kudus yang Terberkati ini bagi keluarga kami yang mengalami pelbagai kesukaran, cabaran dan kesusahan seperti yang dialami mereka sejak dahulu kala.





Doa Pembukaan

Semoga Keluarga Kudus ini, menjadi sumber inspirasi dan keberanian bagi kami.

Semoga mereka memberi kami kekuatan untuk mentaati pesan-pesan Injil untuk saling mengasihi dan menghormati di antara sesama.





Doa Pembukaan

Semoga kami yang bersama-sama membentuk Tubuh Kristus di dunia ini akan sentiasa sedar bahawa kami semua adalah anggota keluarga Tuhan.

Yesus, Maria dan Yusuf, dengarkanlah kami dan terimalah permohonan kami.

Amen.





Peristiwa Pertama Keluarga Kudus



Pemimpin:

Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria, dan Yusuf;
doakan kami yang
memohon pertolongan-
Mu.

Semua:

Kerana kepada-Mu, kami
persembahkan iman dan
kepercayaan kami.





Khabar Gembira
kepada Perawan
Maria yang
Terberkati.

Meditasi:

Lukas 1:35-38



Jawab malaikat itu kepadanya: "Roh Kudus akan turun atasmu dan kuasa Allah Yang Mahatinggi akan menaungi engkau; sebab itu anak yang akan kau lahirkan itu akan disebut kudus, Anak Allah."

Meditasi:

Lukas 1:35-38



Dan sesungguhnya,
Elisabet, sanakmu itu, ia
pun sedang
mengandung seorang
anak laki-laki pada hari
tuanya dan inilah bulan
yang keenam bagi dia,
yang disebut mandul itu.
Sebab bagi Allah tidak
ada yang mustahil.



Meditasi: *Lukas 1:35-38*



Kata Maria:
"Sesungguhnya aku ini
adalah hamba Tuhan;
jadilah padaku menurut
perkataanmu itu." Lalu
malaikat itu
meninggalkan dia.

Renungan:



Kita berkumpul sebagai sebuah keluarga di hadirat Bapa yang Maha Kuasa, diinspirasi oleh peristiwa suci perkhabaran kepada Perawan Maria yang Terberkati.



Renungan:



Apabila kita merenung detik yang diberkati dalam sejarah, kita mencari kehadiran dan bimbingan-Nya dalam hidup kita. Sama seperti yang dilakukan oleh Maria dengan hati yang terbuka untuk menerima kehendak ilahi-Nya.

Doa: Semua



Bonda Maria, ajarilah kami untuk berkata “ya” kepada panggilan Tuhan, walaupun ditengah-tengah ketidakpastiaan dan ketakutan.

Doa: Semua



Bantu kami untuk percaya pada pemeliharaan-Nya dan rancangan-Nya, walaupun ia mungkin di luar pemahaman kami.



Doa: Semua

Bonda yang terkasih,
kuatkan iman kami,
agar kami dapat
sepenuh hati
mempersembahkan
keluarga kami untuk
melayani Tuhan dan
sesama.



Doa: Semua

**Kemuliaan kepada
Bapa dan Putera dan
Roh Kudus...**



Peristiwa Ke-2 Keluarga Kudus



Malaikat datang
kepada Yusuf
dalam mimpi.



Pemimpin:
Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria dan
Yusuf; doakan kami
yang memohon
pertolongan-Mu

Semua:
Kerana kepada-Mu,
kami persembahkan
iman dan
kepercayaan kami.


Meditasi: *Matius 1:20-24*



“...malaikat Tuhan nampak kepadanya dalam mimpi dan berkata: “Yusuf, anak Daud, janganlah engkau takut mengambil Maria sebagai isterimu, sebab anak yang di dalam kandungannya adalah daripada Roh Kudus.



Meditasi:
Matius 1:20-24



Ia akan melahirkan anak laki-laki dan engkau akan menamakan Dia Yesus, kerana Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa mereka". Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi:



Meditasi: *Matius 1:20-24*

Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia "Immanuel" yang berarti: Allah menyertai kita. Sesudah bangun dari tidurnya, Yusuf berbuat seperti yang diperintahkan malaikat Tuhan itu kepadanya. Ia mengambil Maria sebagai isterinya,...





Renungan:

Kita kagum dengan ketaatan dan iman Yusuf, kepercayaan mendalamnya kepada penyelenggaraan ilahi ketika dia menerima perkhabaran Malaikat.

Renungan

Dalam menghadapi kekeliruan dan ketidakpastian, Yusuf mempercayai bimbingan Tuhan dan dengan rela menerima tugas luar biasa untuk menjadi bapa duniawi kepada Anak-Nya yang dikasihi.





Doa: Semua

Santo Yusuf yang terkasih,
kami mohon doakanlah
keluarga kami. Lindungilah
dan eratkanlah hubungan
kami, dalamkanlah kasih
kami di antara sesama
dan anugerahkanlah kami
rahmat untuk meneladani
kebajikan Keluarga Kudus.



Doa: Semua



Semoga kami memupuk suasana penuh keimanan, keharmonian dan kasih sayang tanpa syarat, sepertimana yang telah kau lakukan bersama Maria dan Yesus.



Doa: Semua

**Kemuliaan kepada
Bapa dan Putera dan
Roh Kudus...**



Peristiwa ke-3 Keluarga Kudus





Perkahwinan Maria dengan Yusuf



Pemimpin:

Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria dan Yusuf;
doakanlah kami yang
memohon pertolongan-
Mu.

Semua:

Kerana kepada-Mu
kami persembahkan
iman dan kepercayaan
kami.





Meditasi: *Matius 1:18-21*



Pada waktu Maria, ibu-Nya, bertunangan dengan Yusuf, ternyata ia mengandung daripada Roh Kudus, sebelum mereka hidup sebagai suami isteri.



Meditasi: *Matius 1:18-21*

Kerana Yusuf suaminya, seorang yang tulus hati dan tidak mau mencemarkan nama isterinya di muka umum, ia bermaksud menceraikannya dengan diam-diam. Tetapi ketika ia mempertimbangkan maksudnya itu, malaikat Tuhan tampak kepadanya dalam mimpi dan berkata: "Yusuf, anak Daud, janganlah engkau takut mengambil Maria sebagai isterimu.





Meditasi: *Matius 1:18-21*



sebab anak yang di dalam kandungannya adalah daripada Roh Kudus. Ia akan melahirkan anak laki-laki dan engkau akan menamakan Dia Yesus, kerana Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa mereka."



Renungan:

Banyak perkahwinan yang mengalami penderitaan kerana pasangan tidak memahami sepenuhnya kesucian ikatan cinta yang istimewa ini.



Renungan:

Terdapat banyak godaan untuk menjadi tidak setia atau meninggalkan perjanjian daripada berusaha untuk membetulkan apa yang salah.





Renungan:

Apa yang kurang
adalah iman dan
kepercayaan yang kuat
kepada Tuhan, yang
telah menjanjikan
pertolongan-Nya
dalam sepanjang
perkahwinan mereka.





Doa: Semua

Melalui Sakramen perkahwinan, seorang lelaki dan seorang wanita memasuki hubungan perjanjian suci berasaskan cinta, kepercayaan dan penyerahan diri bersama.

Doa: Semua



Kita berdoa bagi semua pasangan suami isteri, terutamanya bagi mereka yang mengalami kesukaran; semoga mereka sentiasa setia kepada ikrar mereka dan akan mencari pertolongan daripada Keluarga Kudus dalam mengatasi masalah mereka.



Doa: Semua

Kemuliaan kepada Bapa
dan Putera dan Roh
Kudus...





Peristiwa ke-4 Keluarga Kudus





Yesus dilahirkan
kepada Maria, ibu-
Nya dan Yusuf, bapa
angkat-Nya

*(Kesucian kehidupan
manusia terserlah dalam
kelahiran seorang anak)*





Pemimpin:

Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria dan
Yusuf; doakan kami
yang memohon
pertolongan-Mu.



Semua:

Kerana kepada-Mu
kami persembahkan
iman dan
kepercayaan kami.



Meditasi:
Lukas 2:6-7



Ketika mereka di situ tibalah waktunya bagi Maria untuk bersalin, dan ia melahirkan seorang anak laki-laki, anaknya yang sulung, lalu dibungkusnya dengan lampin dan dibaringkannya di dalam palungan, kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah penginapan.

Renungan:



Sangat sukar untuk mempercayai bahawa sesiapa sahaja akan membunuh seorang kanak-kanak dengan sengaja. Namun, penguguran adalah sedemikian. Kita percaya bahawa kehidupan manusia yang baru dan tidak berulang pada saat pembentukan.



Renungan:



Jadi mengapa begitu ramai yang berjuang untuk hak membunuh anak-anak ini? Mungkin, mereka yang memilih pengguguran dan segala jenayah lain terhadap kehidupan manusia, tidak lagi melihat keindahan ciptaan Tuhan.

Doa: Semua



Keindahan dan kemuliaan sebenar semua ciptaan Tuhan dapat dilihat pada wajah seorang anak yang baru lahir. Melalui mereka Tuhan memeluk kita dengan kasih-Nya yang tidak berkesudahan.

Doa: Semua



Kita berdoa agar semua orang menghormati kehidupan manusia terutamanya nyawa anak yang belum lahir. Marilah kita berdoa tanpa henti bagi menamatkan pengguguran dan semua jenayah lain terhadap kehidupan manusia: ciptaan Tuhan yang terhebat dan terindah



Doa: Semua

Kemuliaan kepada
Bapa dan Putera dan
Roh Kudus...



Peristiwa ke-5 Keluarga Kudus





Maria dan Yusuf
mempersembahkan
bayi Yesus di Bait
Suci.



*(Tuhan diutamakan
dalam keluarga:
Keperluan menyembah
Tuhan sebagai keluarga)*



Pemimpin:

Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria dan
Yusuf; doakan kami
yang memohon
pertolongan-Mu.

Semua:

Kerana kepada Mu,
kami persembahkan
iman dan
kepercayaan kami.



Meditasi:
Lukus 2:22-24;39

Dan ketika genap waktu
pentahiran, menurut
hukum Taurat Musa,
mereka membawa Dia
ke Yerusalem untuk
menyerahkan-Nya
kepada Tuhan, seperti
ada tertulis dalam hukum
Tuhan:





Meditasi:

Lukas 2:22-24;39

“Semua anak laki-laki
sulung harus dikuduskan
bagi Allah, dan untuk
mempersembahkan korban
menurut apa yang
diformankan dalam hukum
Tuhan, yaitu sepasang
burung tekukur atau dua
ekor anak burung merpati.





Meditasi:

Lukas 2:22-24;39

Dan setelah selesai
semua yang harus
dilakukan menurut
hukum Taurat,
kembalilah mereka ke
kota kediamannya, yaitu
kota Nazaret di
Galilea.



Renungan:

Bagi menjadi keluarga yang kudus, gembira dan sihat, mereka harus mempunyai hubungan yang mendalam dan tulus dengan Tuhan Pencipta segalanya.



Renungan:

Apabila keluarga kita merayakan Misa Kudus bersama, kita berpeluang berdoa kepada Bapa yang kudus; terima sukacita daripada Anak, dan penyembuhan melalui sentuhan Roh Kudus.





Renungan:

Namun begitu ramai anak-anak kita telah meninggalkan iman Katolik dan penyembahan kepada Bapa dalam Misa Kudus. Marilah sentiasa berdoa bagi kepulangan mereka, agar kita bersatu semula sebagai keluarga dan menyembah Tuhan yang dari-Nya semua keluarga menerima kehidupan dan kekuatan.



Doa: Semua



Kita percaya bahawa semua berkat datang daripada Tuhan. Apakah berkat terbesar yang kita terima selain dari sebuah keluarga? Kepada Tuhanlah kita berhutang pujian dan kesyukuran atas segala pemberian dan berkat-Nya.

Doa: Semua



Kita berdoa kepada ahli keluarga kita, terutamanya kepada mereka yang tidak lagi mengamalkan iman mereka, akan berkumpul bersama pada Hari Tuhan semasa Yesus mempersembahkan Misa Kudus: tindakan kesyukuran terbesar yang diketahui oleh dunia .



Doa: Semua

Kemuliaan kepada
Bapa dan Putera dan
Roh Kudus...



Peristiwa ke-6 Keluarga Kudus





Keluarga Kudus mengungsi ke Mesir

*(Berbelas kasih kepada para
keluarga yang menderita di
dunia:
Yang miskin, Gelandangan,
Yang teraniaya)*



Pemimpin:

Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria dan
Yusuf; doakan kami
yang memohon
pertolongan-Mu.

Semua:

Kerana kepada-Mu
kami persembahkan
iman dan
kepercayaan kami



Meditasi:

Matius 2:13-15



Setelah orang-orang majus itu berangkat, nampaklah malaikat Tuhan kepada Yusuf dalam mimpi dan berkata: "Bangunlah, ambillah Anak itu serta ibunya, larilah ke Mesir dan tinggallah di sana sampai Aku berfirman kepadamu, kerana Herodes akan mencari Anak itu untuk menbunuh Dia."

Meditasi:

Matius 2:13-15



Maka Yusuf pun bangunlah, diambalnya Anak itu serta ibu-Nya malam itu juga, lalu menyingkir ke Mesir, dan tinggal di sana hingga Herodes mati. Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi: "Dari Mesir Kupanggil Anak-Ku."

Renungan:



Begitu banyak keluarga yang menderita di seluruh dunia. Ramai ibubapa tidak mempunyai tempat tinggal untuk diri sendiri atau untuk anak-anak mereka kerana terpaksa melarikan diri akibat peperangan, penganiayaan, kemarau atau kebuluran



Renungan:

Banyak keluarga hidup dalam kemiskinan tegar walaupun di negara yang melimpah-ruah. Ramai juga menderita kerana penderaan, ketagihan atau pengabaian. Kita tidak boleh menutup minda dan hati kita terhadap keperluan mereka, kerana mereka juga adalah anak-anak Bapa kita.



Doa: Semua



Bapa yang Maha Kuasa,
seperti Keluarga Kudus
suatu ketika dahulu, ramai
anak-anak-Mu masih
menderita pada hari ini di
dunia moden. Semoga kami
dapat menunjukkan kasih
sayang dan belas kasihan
kepada mereka dengan
perbuatan kami.



Doa: Semua

*Marilah kita
mempersembahkan
doa, penghiburan dan
sokongan kita kepada
mereka, agar Tuhan
menyembuhkan mereka
dan membawa
kedamaian kepada
mereka.*





Doa: Semua

Kemuliaan kepada
Bapa dan Putera dan
Roh Kudus...



Peristiwa ke-7 Keluarga Kudus





Yusuf dan Maria mencari Yesus di Bait Suci

*(Kesusahan Ibubapa:
Cabaran untuk menjadi
ibubapa yang setia)*



Pemimpin:
Ya Keluarga Kudus,
Yesus, Maria dan
Yusuf; doakan kami
yang memohon
pertolongan-Mu.

Semua:
Kerana kepada-Mu
kami persembakan
iman dan
kepercayaan kami.



Meditasi:

Lukas 2:46-48

Sesudah tiga hari mereka menemukan Dia dalam Bait Allah; Ia sedang duduk di tengah-tengah alim ulama, sambil mendengarkan mereka dan mengajukan pertanyaan-pertanyaan kepada mereka. Dan semua orang yang mendengar Dia sangat hairan akan kecerdasan-Nya dan segala jawab yang diberikan-Nya





Meditasi: *Lukas 2:46-48*



Dan Ketika orang tua-Nya melihat Dia, tercenganglah mereka, lalu kata ibu-Nya kepada-Nya: "Nak, mengapakah Engkau berbuat demikian terhadap kami? Bapa-Mu dan aku dengan cemas mencari Engkau."



Renungan:

Menjadi ibubapa yang baik dan penyayang memerlukan dedikasi dan usaha. Ibubapa mesti belajar untuk membuang keakuan diri agar kecenderungan ke arah mementingkan diri dapat diubah menjadi kesediaan untuk mengorbankan segala-galanya untuk anak-anak mereka.





Renungan:

Ramai ibubapa yang masih belum mempelajari pengajaran agung tentang kasih sayang tanpa syarat ini. Keinginan mengutamakan kepentingan peribadi adalah godaan yang tiada henti-hentinya.





Doa: Semua

Kita berdoa agar semua pasangan suami isteri yang menerima tanggungjawab keibubapaan juga akan menerima cabaran yang dituntut oleh panggilan ini.



Doa: Semua

Ya Keluarga Kudus,
janganlah biarkan
ibubapa melupakan
tugas mereka untuk
berkorban diri agar anak-
anak mereka juga dapat
belajar untuk mengasihi
dan melayani.



Doa: Semua

Kemuliaan kepada
Bapa dan Putera dan
Roh Kudus...



Peristiwa ke-8 Keluarga Kudus





Keluarga Kudus di Nazaret.

(Pentingnya keluarga yang Kudus, Bahagia dan Stabil)



Pemimpin:
Ya Keluarga Kudus
Yesus, Maria dan
Yusuf; doakanlah
kami yang memohon
pertolongan-Mu.

Semua:
Kerana kepada-Mu
kami persembahkan
iman dan
kepercayaan kami.

Meditasi:
Lukas 2:39-40



Dan setelah selesai semua yang harus dilakukan menurut hukum Tuhan, kembalilah mereka ke kota kediamannya, yaitu kota Nazaret di Galilea. Anak itu bertambah besar dan menjadi kuat, penuh hikmat dan kasih karunia Allah ada pada-Nya.



Renungan:



Sesebuah keluarga hanya boleh mencapai kekudusan dan kebahagiaan dalam persekitaran yang aman, selamat dan stabil. Walau bagaimanapun, terdapat satu pengalaman yang sangat berbeza pada masa ini.



Renungan:

Perkahwinan yang retak, penderaan fizikal dan mental, kemarahan yang tidak terkawal dan kekecewaan telah menjadikan persekitaran bermusuhan dengan kedamaian, keselamatan dan kestabilan.





Renungan:

Marilah kita kembali kepada asas rancangan Tuhan: Bapa dan ibu yang saling berkomitmen dan berbakti kepada keluarga, berkat rahmat sakramen perkahwinan.



Doa: Semua



Marilah kita berdoa agar semua keluarga akan mengikuti teladan Keluarga Kudus dan berusaha mendapatkan kedamaian dan kebahagiaan yang hanya dapat diberikan oleh Tuhan. Tuhan, sertailah mereka dalam segala usaha mereka. Berilah upah dalam kesetiaan mereka.



Doa: Semua

Kemuliaan kepada
Bapa da Putera dan Roh
Kudus...





Doa Penutup

Bapa yang Mahakuasa, melalui doa, kami telah menghidupkan semula peristiwa-peristiwa dalam kehidupan Keluarga Kudus ini.

Kami telah menjalankan perjalanan ini kerana keluarga-keluarga kami memerlukan kasih sayang dan bimbingan serta kekuatan yang hanya boleh diberikan oleh Keluarga Kudus.



Doa Penutup

Dengan meenungkan peristiwa-peristiwa ini dalam kehidupan Yesus, Maria dan Yusuf, kami memahami bahawa kegembiraan mereka adalah kegembiraan kami, kesukaran mereka adalah kesukaran kami dan kesedihan mereka adalah kesedihan kami.

Dengan kepercayaan, kami menyerahkan keluarga kami dalam dakapan kasih sayang Keluarga Kudus.





Doa Penutup

Melalui doa mereka, semoga keluarga kami bertumbuh dalam cinta kasih dan keharmonian. Semoga Keluarga Kudus ini menjadi contoh bagi semua yang berusaha melakukan kehendak ilahi-Mu.

Dan semoga kami semua dapat memahami dengan lebih mendalam bahwa meneladani kehidupan Keluarga Kudus adalah satu-satunya cara mencapai kasih dan penghormatan yang menjadi dasar kekudusan sesebuah keluarga.





Doa Penutup

Bapa Surgawi, kurniakan kami rahmat-Mu semasa kami berusaha untuk menjadi anak-anak-Mu yang setia dan penyayang. Bantulah melalui doa Keluarga Kudus Nazaret ini menjadikan keluarga kami sebuah keluarga yang baik dan kudus agar dapat menyenangkan-Mu dalam segala hal demi kemuliaan nama-Mu yang besar dan demi keselamatan kekal. Amen.





Doa Penutup

Kemuliaan kepada Bapa dan Putera dan
Roh Kudus. . .

